

Fomat Syarahan/Ucapan/Ceramah

Contoh :

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi Majlis , Yang Berusaha Puan Maisarah binti Mohd . Tuan Hj. Rahmat bin Baharudin , Pengetua SMK Bandar Putra , Yang dihormati , Puan Kamsiah binti Mohd Ali , Penolong Kanan Pentadbiran , Encik Mohd Kamal bin Ali , Penolong Kanan Hal Ehwal Murid , Encik Mohd Ismail bin Amin , Penolong Kanan Kokurikulum , guru-guru , barisan pengawas , dan rakan-rakan yang dikasihi . Selamat sejahtera dan salam Satu Malaysia saya ucapkan kepada semua hadirin . “Tajuk” , begitulah tajuk yang telah ditetapkan kepada saya untuk diperdengarkan pada pagi yang indah lagi istimewa ini .

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan panel hakim yang adil lagi menegakkan kebenaran, guru-guru dan rakan-rakan. Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan yang akan saya sampaikan pada hari ini ialah “Tajuk”.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Yang berusaha Puan Pengetua Sekolah Kebangsaan Mahmud, guru-guru penolong kanan, guru-guru dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Selamat sejahtera dan salam Satu Malaysia saya ucapkan kepada semua hadirin . Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan syarahan bersempena dengan “Program “. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Tajuk”.

Hadirin yang dimulihkan ,

Pendahuluan

Hadirin yang dikasihi ,

Isi-isi

Hadirin yang dihormati ,

Kesimpulan

Sekian , terima kasih

Karangan Jenis Syarahan

Soalan

Dalam suatu pertandingan syarahan, anda akan menyampaikan syarahan bertajuk 'Persekitaran sekolah yang baik meningkatkan prestasi pelajar'. Tuliskan syarahan tersebut selengkapnya.

Jawapan

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru yang saya homati, dan hadirin serta para pelajar.

Berdirinya saya di atas pentas ini adalah untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Persekitaran sekolah yang baik meningkatkan prestasi pelajar'. Sebelum saya memanjangkan kata-kata saya, saya akan menjelaskan maksud persekitaran sekolah yang baik. Maksud **persekitaran** sekolah yang baik ialah hubungan sesama pelajar dan antara pelajar dengan guru, dan persekitaran yang ceria serta bersih. Terangkum dalam persekitaran sekolah yang baik ialah keadaan di luar sekolah.

Hadirin yang dihormati,

Proses pembelajaran melibatkan penaaklukan minda serta menuntut badan yang sihat. Dengan hal yang demikian, sebarang bentuk gangguan kepada minda dan kecergasan badan hendaklah dijauhi. Dalam hal inilah hubungan sesama pelajar dan antara pelajar dengan guru perlu baik dan mesra. Suasana sebegini memungkinkan pelajar menerima dan **mengaplikasikan** ilmu dengan berkesan dan **semaksimum** mungkin.

Hubungan antara pelajar dan guru yang berlangsung dalam suasana yang tegang dan marah-marah akan membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan demikian, hasrat hendak meningkatkan prestasi pelajar akan terbantut.

Keadaan yang sebaliknya dikesan dalam persekitaran suasana yang baik. Telah terbukti bahawa sekolah yang ceria, bersih, teratur, dan cantik akan menyebabkan pembelajaran berjalan dengan baik dan lancar. Keadaan lebih berkesan jika ditambah dengan adanya mural, kata-kata hikmat, dan kata-kata pujangga yang **tertera** pada dinding sekolah yang tersebut.

Hadirin yang dihormati,

Proses pengajaran dan pembelajaran juga dipengaruhi oleh persekitaran di luar sekolah. Kilang-kilang yang mengeluarkan debu, bunyi bising, dan udara yang berbau busuk juga menjejaskan proses tersebut. Dengan ini, pihak sekolah akan gagal meningkatkan **prestasi** para pelajarnya.

Sebagai penutup, suka saya menegaskan di sini bahawa persekitaran yang saya sebutkan tadi akan menentukan, malah menjamin, prestasi pelajar. Dengan kata lain, pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah adalah lahir daripada persekitaran yang baik.

Sekian, terima kasih.